**PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN HOSPITAL KUALA PENYU**

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan dirasmikan pada 24 Februari 2021 dengan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri sebagai penerima pertama vaksin di Malaysia. Di dalam program ini, Hospital Kuala Penyu merupakan Pusat Pemberian (PPV) .

Penaung : Dr. Mohd Suffian Bin Laupa

Penyelaras : Dr. Mashitah Salihah Idriss

Ahli Task Force :

1. Pn. Hana Fariza Binti Muhammad Yunus (Ketua Jabatan Farmasi)
2. Pn. Nora Awang Jalil (Pegawai Farmasi )
3. Matron Farida Othman (Penyelia Jururawat)
4. En Jeslee B. Ekon @Hikun (Penyelia Hospital)
5. En. Roslie Bin Miasin (Penolong Pegawai Perubatan Kanan )
6. Tay Mui Chen @ Dorren Tay (Jururawat Kawalan Infeksi)
7. En Lionel Michael Jominin (Pegawai Teknologi Maklumat)

Pengambilan vaksin pertama di Pusat Simpanan Vaksin (PSV) di Hospital Queen Elizabeth melalui jalan darat sejauh 110 Km dari Hospital Kuala Penyu pada 27 Februari 2021 , jam 8.00 pagi. Pengambilan vaksin ini menggunakan 3 (tiga) kenderaan iaitu kenderaan PDRM, kenderaan Hospital Kuala Penyu di pandu oleh En. Zulkarnain Bin Dali dan En. Yusmezam Bin Yussuf memandu Kenderaan Pejabat Kesihatan Kawasan Beaufort.

Vaksin Covid-19 Comirnaty ® oleh Syarikat Pfizer-BioNTech tiba di Hospital Kuala Penyu pada jam 11.34 pagi yang di bawa oleh Pn. Hana Fariza Binti Muhammad Yunus (Ketua Jabatan Farmasi), Puan Nora Awang Jalil (Pegawai Farmasi Stor Logistik) dan En. Ahmad Zamani Bin Ab Halim(Pegawai Farmasi Kesihatan Kawasan Beaufort) dan vaksin terus di simpan di dalam *Top Loading Fridge* di Stor Farmasi Logistik dengan kawalan ketat 3(tiga) anggota polis yang diketuai oleh ASP Sabaruddin dan pengawal keselamatan pihak hospital. Pengambilan Vaksin ini amat mencabar kerana memerlukan pengendalian khusus oleh Pegawai Farmasi bagi memastikan rangkaian sejuk beku

dipatuhi dan tiada penyimpangan suhu berlaku. Walaubagaimanapun proses pergerakan vaksin berjalan lancar dengan kerjasama semua pihak.

Program Imunisasi Covid -19 Kebangsaan 2021 peringkat negeri sabah di lancarkan oleh Ketua Menteri Sabah Datuk Hajiji Mohd Noor, yang akan menjadi penerima pertama vaksin di Sabah pada 4 Mac. Hospital Kuala Penyu akan memulakan Program Imunisasi ini secara rasminya pada 5 Mac 2021 di Zon Pemberian Vaksin (ZPV) Hospital Kuala Penyu yang di ketuai oleh Ketua Jururawat Aisah Binti Kamus.

**Disediakan Oleh**

Pn. Hana Fariza Binti Muhammad Yunus
Ketua Jabatan Farmasi
Hospital Kuala Penyu






POLIS